



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENGEKALAN HARGA JUALAN RUNCIT HASIL TEMBAKAU TERMASUK ROKOK SUSULAN PELAKSANAAN GST PADA KADAR SIFAR

Kerajaan telah menetapkan supaya harga jualan runcit hasil tembakau termasuk rokok dikekalkan walaupun Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ditetapkan pada kadar sifar mulai 1 Jun 2018. Kerajaan berpendirian dan menegaskan bahawa harga jualan runcit hasil tembakau termasuk rokok tidak boleh diturunkan. Ini kerana ia merupakan produk yang membahayakan kesihatan dan sebarang penurunan harga jualan runcit akan dianggap sebagai suatu bentuk promosi secara tidak langsung serta bertentangan dengan Peraturan 5A, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Pengekalan harga jualan runcit hasil tembakau termasuk rokok juga adalah selaras dengan komitmen antarabangsa di bawah Artikel 6, *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* yang telah mengiktiraf langkah percukaian dan mekanisma kawalan harga adalah berkesan dalam menurunkan permintaan terhadap hasil tembakau.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

2 Jun 2018